



## Penguasaan dan Pengaplikasian Kbat dalam Penulisan Kerja Kursus Pelajar Orang Asli PISMP

Nor Asiah Ismail<sup>1</sup>, Zulkarnaian Mat, Simah Mamat<sup>2</sup>, Mastura Mohamed Berawi, Zabedah Mohammed

<sup>1</sup>IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan

<sup>2</sup>IPG Kampus Bahasa Melayu  
asiisma8@gmail.com

### Article Info

**Received:**  
14 September 2019

**Accepted:**  
25 September 2019

**Publish**  
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

Kurikulum pendidikan negara menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai aspirasi kepada pembentukan generasi yang mampu bersaing dan berjaya di peringkat global. Penerapan KBAT ini dilaksanakan melalui kursus-kursus dalam latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru. Kajian ke atas guru dan guru pelatih menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana walaupun KBAT telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan dan pengaplikasian KBAT dalam penulisan kerja kursus Pelajar Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISMP) Peribumi IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Sepuluh tugas pelajar yang mengikuti kursus Semantik Bahasa Melayu dipilih sebagai instrumen kajian. Soalan tugas dan rubrik pemarkahan untuk kursus tersebut telah mendapat kesahan dan kebolehpercayaan daripada pakar bidang dan Pemeriksa Dalam (PD) di institusi ini. Dapatan kajian membuktikan pelajar PISMP Peribumi dapat menguasai dan mengaplikasikan KBAT dalam penulisan kerja kursus. Hal ini kerana pelajar berupaya menggunakan ayat yang gramatis dan kepelbagaian ayat dalam penulisan mereka serta bertepatan dengan rubrik seperti yang diperincikan dalam kehendak soalan kerja kursus. Kajian juga turut mendapati bahawa kemahiran menulis pelajar yang menjadi sampel kajian dapat diletakkan pada tahap 4, iaitu tahap cemerlang iaitu berupaya menyediakan penulisan tentang sesuatu perkara menggunakan ayat, kosa kata yang khusus, kata hubung dan penanda wacana untuk menyambung pendapat serta membuat rumusan dan kesimpulan dengan menguasai dan mengaplikasikan KBAT dalam penulisan tersebut. Kajian ini memberikan implikasi terhadap perkembangan pendidikan di Malaysia yang sentiasa berhasrat melahirkan para pelajar yang cemerlang dan berfikir aras tinggi khususnya dalam penulisan tugas kerja kursus setanding dengan para pelajar dari negara-negara maju di dunia.

**Kata Kunci:** Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), penulisan kerja kursus, PISMP Peribumi, sintaksis.

### Pengenalan

Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013 - 2025. Bagi mendepani cabaran abad ke-21 yang lebih rumit dan semakin kompleks ini, pastinya ilmu, kemahiran dan nilai yang bersesuaian perlu dibekalkan kepada generasi rakyat

Malaysia. Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara eksplisit sangat penting dan merupakan suatu tuntutan semasa. Pendekatan KBAT perlu dijadikan amalan semasa PdP penulisan karangan di dalam kelas. Sebelum ini, pendidik mengajar menggunakan pendekatan lama, iaitu menggunakan kemahiran berfikir yang terhad kepada murid semasa mengajar penulisan karangan. Kaedah ini tidak akan dapat melahirkan generasi yang boleh menggunakan pemikiran dan bertindak dengan hebat dalam menyelesaikan masalah. Berbeza dengan pendekatan ini, iaitu pendekatan PdP dengan KBAT yang dapat melahirkan insan yang boleh mengaplikasi, mengkaji, mencerakinkan maklumat, memahami, mencari jawapan bagi persoalan terkini yang ditemui dengan melakukan pilihan dan membuat pertimbangan serta menggunakan pelbagai cara lain yang ada dalam membuat pilihan dan mencadangkan cara terbaik antara implikasi dibawa oleh perubahan ini. KBAT diperkenalkan adalah untuk mengubah amalan hafalan kepada pemahaman dan meningkatkan tahap kesedaran pengetahuan (KPM, 2015). Pelajar perlu mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam penaakulan dan refleksi penyelesaian masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Persepsi yang baik terhadap pembudayaan KBAT dalam kalangan pelajar PISMP membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dengan berfikir secara kritis dan inovatif dalam setaipa aspek termasuklah kemahiran menulis. Penguasaan dan pengaplikasian KBAT sangat penting dalam sesebuah penulisan. Hal ini kerana, proses menulis memerlukan seseorang berfikir semasa merancang, semasa menulis dan selepas penulisan dihasilkan (Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Kemahiran menulis juga merupakan suatu budaya intelek yang saling berkaitan antara kemahiran membaca dengan kemahiran menulis. Kemampuan menulis merupakan proses penyampaian maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem, iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, pembaca dan gaya penulisan (Abdul Rasid, 2011). Menulis merupakan satu kemahiran asas yang penting dalam usaha mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Sesungguhnya menulis melibatkan keupayaan merujuk, menulis, merancang dan mengeluarkan idea berkaitan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui mereka (Norfaizah, Anida, & Idris, 2014). Selain itu, aspek sintaksis perlu dititikberatkan dalam kemahiran ini agar maksud yang hendak disampaikan dapat difahami tanpa ketaksaan. Oleh yang demikian, pelbagai dimensi ilmu dengan laras bahasa tertentu perlu dipelajari dan diteroka oleh pelajar. Penerapan bahasa ilmu dengan penggunaan tatabahasa yang baik diberikan penekanan menerusi kursus seperti Wacana Penulisan, Morfologi dan Sintaksis bagi memastikan pelajar mampu menghasilkan penulisan berkualiti menerusi kemahiran menulis yang dipraktikkan.

## **Tinjauan Literatur**

KBAT telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia pada tahun 2013. Kajian-kajian mendapati pelbagai cabaran dalam merealisasikan KBAT. Cabaran dalam melaksanakan KBAT masih lagi tertumpu kepada golongan pendidik di mana rata-rata guru di Malaysia masih lagi tidak memahami maksud, kegunaan model-model dari program KBAT, pendekatan yang digunakan dan sebagainya (Norakma et al., 2015). Kefahaman guru dalam perancangan pelaksanaan KBAT merupakan perkara utama yang perlu dikuasai oleh guru dalam menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan KBAT dalam PdP. Beberapa kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru tentang KBAT masih belum mencapai tahap. Tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran, tahap kefahaman guru dalam PdP dan tahap pelaksanaan pengajaran KBAT adalah sederhana (Norasmahani et al., 2015).

Kajian terhadap guru sekolah rendah menunjukkan tahap kompetensi guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan KBAT masih di tahap sederhana (Norfariza & Nurfadhillah, 2018). Dapatan ini sealiran dengan kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod (2016) ke atas 226 orang guru di daerah Kuala Terengganu yang menunjukkan bahawa pemahaman, pengetahuan, dan pelaksanaan guru

bahasa Melayu dalam penggunaan KBAT bagi pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah harian daerah KualaTerengganu adalah masih di tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Rajendran (2001) ke atas guru-guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dari 22 buah sekolah di daerah-daerah dalam negeri Selangor. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penerapan KBAT bagi mata pelajaran Bahasa Melayu untuk peringkat menengah rendah masih berada pada tahap sederhana.

Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi agak lemah disebabkan kurangnya pendedahan yang diberikan kepada guru (Wan Nor Shairah & Norazah, 2017). Guru-guru tidak diberikan kursus dan latihan sepatutnya untuk memperkenalkan mereka kepada kemahiran berfikir aras tinggi ini. Hal ini menyumbang kepada ketidaksediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi disebabkan pengetahuan pedagogi yang cetek. Persepsi guru terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi yang dilihat susah untuk diajar dan dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam penulisan juga mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kemahiran tersebut. Terdapat banyak kajian berkaitan penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah tetapi lebih berfokus pada strategi pengajaran dan kemampuan murid mengolah idea dalam penulisan. Tidak ada penelitian ke atas penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar IPG dan juga IPT.

Kajian yang dijalankan oleh Zaliza (2017) mendapati bahawa banyak kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dilakukan oleh pelajar Indonesia dalam penulisan karangan mereka. Mereka terpengaruh dengan tatabahasa bahasa pertama dan kesalahan dilakukan dari aspek sintaksis, semantik, dan morfologi. Hasil kajian juga mendapati bahawa antara sebab-sebab berlakunya kesalahan ini adalah disebabkan oleh faktor kekurangan penguasaan dan pengaplikasian KBAT terhadap pengetahuan sistem bahasa Melayu dan kekeliruan tentang makna perkataan. Walaupun bahasa Melayu berada dalam rumpun yang sama dengan bahasa ibunda penutur namun terdapat banyak perbezaan yang menimbulkan kekeliruan ini.

Salinah dan Rohaidah (2016) telah menganalisis penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China yang menuntut di Universiti Malaya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar dari negara China yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua namun mereka masih menghadapi masalah dalam aspek morfologi, sintaksis, dan kesalahan aspek mekanikal. Mohd Izzuddin dan Mohd Salihin (2017) telah melihat sikap dan keupayaan sendiri pelajar dalam kemahiran menulis tugas akademik. Dapatan kajian ini diperoleh melalui penggunaan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar semasa melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina, semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar dalam pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat terhadap kemahiran menulis. Selain itu, hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan keupayaan sendiri pelajar terhadap kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis.

Kesimpulannya, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kemahiran tersebut merupakan kemahiran yang dipraktikkan sepanjang hayat dengan penguasaan dan pengaplikasian KBAT dalam hasil penulisan. Banyak kajian dilakukan terhadap kajian tersebut dari dimensi yang pelbagai. Lebih ramai pengkaji berminat mengkaji strategi atau teknik yang digunakan untuk pengajaran penulisan karangan berbanding dengan penggunaan sintaksis walhal aspek kebahasaan amat penting dalam binaan sesebuah wacana.

## Pernyataan Masalah

Keupayaan berfikir yang membawa kepada nilai tambah baharu merupakan kunci utama kejayaan daya saing negara. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran berdasarkan KBAT perlu diberi penekanan yang sewajarnya untuk melahirkan pelajar yang kreatif dalam penyelesaian masalah untuk membentuk generasi yang berkualiti. Menurut Vishalache Balakrishnan (2014), proses melahirkan pelajar yang memiliki KBAT mengambil masa yang panjang dan pengorbanan tenaga yang tinggi. Pelajar lebih mudah menelaah fakta dan menduduki peperiksaan yang berfokuskan fakta daripada menjana ilmu dan mengaplikasikan ilmu tersebut dalam soalan aplikasi, penilaian dan inovasi. Kurangnya penekanan terhadap KBAT menjadi punca kegagalan para pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam pembelajaran khususnya penulisan.

Kajian menunjukkan bahawa pelajar kurang mampu menggunakan pengetahuan dan berfikir secara kritikal (Chew, 2014). Hal ini disokong dengan pendapat bahawa guru-guru masih lagi kurang pendedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam KBAT (Norakma, A. Razak, Noria Munirah, 2015). Malah, guru-guru bahasa Melayu belum menerapkan unsur KBKK secara sedar dan terancang. Laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan *21<sup>st</sup> Century School (USA)* menunjukkan bahawa KBAT dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih pada tahap rendah (PPPM 2013-2025). Dapatan kajian analisis keperluan oleh Agensi Inovasi Malaysia (2011) menunjukkan bahawa KBAT dalam kalangan guru dan murid di Malaysia adalah rendah. Sistem persekolahan juga kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran pelajar. Pelajar lebih disediakan untuk peperiksaan dan menghabiskan sukatan (Chew, 2014).

Di IPG, tugas kerja kursus merupakan antara medium yang dapat dimanfaatkan untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar. Menerusi kerja kursus, keupayaan tersebut dipraktikkan dalam penulisan ilmiah yang menekankan bahasa ilmu dan penggunaan tatabahasa seperti sintaksis yang berkesan. Mereka sewajarnya mempamerkan penguasaan dan pengaplikasian KBAT dengan penggunaan ayat yang gramatis dalam lisan dan tulisan kerana pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Masalah tersebut juga berlaku dalam kalangan pengguna bahasa yang lain termasuk pelajar Peribumi IPG. Mereka bukan sahaja melakukan kesilapan dari aspek morfologi malahan ejaan dan pola sintaksis yang betul sering tidak dititikberatkan. Menurut Zalila (2017) kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Menurut Corder (1981) kesalahan juga berlaku kerana terdapat banyak peraturan yang ada pada sesuatu bahasa, baik yang formal mahupun yang tidak formal. Oleh itu, tidak mustahil perkara tersebut turut berlaku dalam penulisan pelajar IPG walaupun mereka telah diajarkan kemahiran menulis sejak dari sekolah rendah kerana kemahiran menulis pada peringkat IPG memerlukan pelajar mematuhi peraturan dalam penulisan, seperti peraturan bahasa yang terdapat dalam buku *Tatabahasa Dewan* sebagai panduan penggunaan bahasa yang betul. Selain itu, ciri kejelasan dalam penulisan ilmiah perlu dipamerkan agar penulisan yang dihasilkan mudah difahami, mudah dibaca, tidak memberi ruang untuk disalah tafsir, tidak bersifat samar-samar, dan tidak kabur (Husin Fateh, 2016).

## Objektif Kajian

- i) Mengenal pasti penguasaan KBAT dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam penulisan kerja kursus pelajar PISMP Peribumi.
- ii) Mengenal pasti pengaplikasian KBAT dengan menggunakan kepelbagaian ayat dalam penulisan kerja kursus pelajar PISMP Peribumi.

- iii) Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar PISMP Peribumi mengikut rubrik dalam penulisan kerja kursus.

### **Persoalan Kajian**

- i) Adakah pelajar PISMP Peribumi menguasai KBAT dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam penulisan kerja kursus?
- ii) Adakah pelajar PISMP Peribumi dapat mengaplikasikan KBAT dengan penggunaan kepelbagaian ayat dalam penulisan kerja kursus?
- iii) Apakah tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar PISMP Peribumi mengikut rubrik dalam penulisan kerja kursus?

### **Metodologi**

Metodologi adalah suatu prosedur sistematik yang menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna.

### **Reka Bentuk**

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data dalam kajian ini dikumpulkan daripada sepuluh tugas pelajar bagi kursus Semantik Bahasa Melayu. Data tersebut dianalisis secara analisis dokumen. Data tersebut dipersembahkan secara deskriptif.

### **Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) IPGKTAA yang terdiri daripada 410 orang pelajar. Mereka merupakan kumpulan pelajar major Bahasa Melayu semester 1 hingga semester 7. Oleh sebab melibatkan populasi yang besar, maka persampelan bertujuan dilakukan tetapi hasil dalam kajian ini tidak akan digeneralisasikan mewakili semua pelajar IPGKTAA. Kajian ini hanya melibatkan sepuluh orang pelajar Semester 1 Tahun 3 yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPGKTAA. Persampelan melibatkan satu kumpulan yang terdiri daripada 15 pelajar.

### **Instrumen**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan tugas kerja kursus, rubrik pemarkahan tugas, tugas kerja kursus pelajar bagi kursus Semantik Bahasa Melayu dan instrumen analisis penggunaan sintaksis.

Soalan tugas kerja kursus dibina mengikut struktur Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) yang disediakan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Soalan tersebut merupakan soalan esei dan pelajar perlu menggunakan ayat yang gramatis untuk mengolah idea dan pandangan yang kritis serta menguasai dan mengaplikasikan KBAT dengan berkesan untuk menghasilkan tugas yang cemerlang.

Dari aspek penilaian bahasa, rubrik pemarkahan tugas dijadikan panduan untuk menentukan keupayaan murid menggunakan bahasa dengan betul dalam penulisan. Aspek tersebut diukur dari segi struktur ayat, tiada kesalahan ejaan dan dipamerkan menerusi gaya penulisan yang ilmiah.

Tugas pelajar perlu disempurnakan dalam bentuk esei yang perlu dijawab sepanjang 1000 patah perkataan. Jawapan pelajar perlu merangkumi takrifan peribahasa Melayu, penjelasan tentang rasional pemilihan peribahasa Melayu, penulisan tentang proses perubahan makna yang berlaku dalam peribahasa Melayu yang dipilih atas faktor peribahasa dan analisis makna menunjukkan pemikiran yang kritis serta menguasai dan mengaplikasikan KBAT dengan menggunakan ayat yang gramatis.



## **Kaedah Pengumpulan Data**

Bagi pengumpulan data, kajian kualitatif ini menggunakan sepuluh tugas pelajar sebagai instrumen yang diteliti. Kesemua jawapan pelajar dianalisis penggunaan sintaksis untuk mengenal pasti kegramatisan ayat dalam penulisan tugas mereka berdasarkan Teori Transformasi Genaratif yang difokuskan pada struktur ayat dan semantik. Ayat tersebut dikelaskan mengikut jenis ayat, ragam ayat, ayat majmuk yang terdiri daripada ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen, ayat majmuk keterangan, dan ayat majmuk campuran. Seterusnya, penganalisan ayat bagi menentukan kegramatisan ayat yang digunakan berdasarkan rumus tatabahasa bahasa Melayu yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan (2015). Hasil daripada dapatan (i) dan (ii) dianalisis untuk mengenal pasti kepelbagaian ayat yang digunakan dalam penulisan tugas.

## **Kaedah Analisis Data**

Data yang diperoleh daripada instrumen dokumen kerja kursus dianalisis dalam dua bahagian, iaitu analisis penguasaan dan pengaplikasian KBAT dengan menggunakan ayat yang gramatis dan analisis penggunaan kepelbagaian ayat yang terdapat dalam penulisan pelajar.

## **Dapatan Kajian**

Perbincangan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian dalam kajian ini.

### **Persoalan 1**

Adakah pelajar PISMP Peribumi menguasai KBAT dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam penulisan kerja kursus?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan KBAT Pelajar PISMP Peribumi dapat menggunakan ayat yang gramatis dan struktur ayat yang digunakan betul serta memberikan makna atau semantik yang betul. Setiap ayat mempunyai subjek dan predikat. Subjek ayat terdiri daripada frasa nama manakala predikat ayat terdiri daripada frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Kehadiran subjek dan predikat dan kedudukan frasa dalam ayat induk atau ayat kecil dapat dikesan dalam ayat majmuk pancangan dan campuran walaupun berlaku penguguran dan peluasan ayat sama ada dalam subjek atau predikat. Hal ini membuktikan bahawa pelajar dapat menyusun unsur binaan ayat dengan baiknya. Pelajar dapat mengugurkan subjek dan predikat yang berulang dalam ayat majmuk tanpa menjejaskan struktur dan semantik ayat. Penguguran unsur yang sama tanpa menjejaskan maksud ayat menggambarkan kebolehan pelajar menguasai KBAT dalam kemahiran menulis kerana dapat menulis ayat dengan lebih tepat dan bermakna.

Contoh ayat majmuk relatif yang gramatis:

Nasi yang menjadi bubur tidak akan menjadi beras semula.

Contoh ayat majmuk campuran yang gramatis:

Kata yang mengandungi makna denotatif mudah difahami kerana tidak mempunyai makna yang tersirat walaupun masih bersifat umum.

Berdasarkan analisis ayat mengikut kriteria yang ditetapkan dalam kajian ini, didapati bahawa pelajar dapat menguasai KBAT dalam penulisan kerja kursus dengan menulis ayat yang gramatis.

## **Persoalan 2**

Adakah pelajar PISMP Peribumi dapat mengaplikasikan KBAT dengan penggunaan kepelbagaian ayat dalam penulisan kerja kursus?

Berdasarkan analisis ayat dalam kerja kursus pelajar, didapati bahawa pelajar dapat mengaplikasikan KBAT dengan menggunakan pelbagai ayat dalam penulisan. Pelajar telah menggunakan ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah yang terdapat dalam jenis ayat, menggunakan ayat aktif bagi ragam ayat, menggunakan ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen, ayat majmuk keterangan dan ayat majmuk campuran. Jenis ayat seru tidak digunakan kerana penulisan berbentuk ilmiah tidak memerlukan penggunaan ayat seru. Pelajar lebih banyak menggunakan ayat majmuk untuk memudahkan mereka menghuraikan jawapan soalan tugas secara kritis. Walaupun, pelajar kurang menggunakan ayat majmuk pancangan komplemen namun kekurangan ini tidak menjejaskan penulisan kerja kursus mereka. Ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif dan ayat majmuk keterangan menjadi pilihan pelajar. Penggunaan ayat majmuk campuran juga didapati banyak terdapat dalam penulisan kerja kursus yang dianalisis.

## **Persoalan 3**

Apakah tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar PISMP mengikut rubrik dalam penulisan kerja kursus?

Dalam rubrik kerja kursus, terdapat lima tahap penguasaan kemahiran menulis iaitu:

Tahap 5 – Amat cemerlang

Tahap 4 – Cemerlang

Tahap 3 – Kepujian

Tahap 2 – Lulus

Tahap 1 – Gagal

Hasil daripada penelitian tentang huraian tahap penguasaan kemahiran pelajar berdasarkan sintaksis yang digunakan dalam penulisan kerja kursus, maka kemahiran menulis pelajar yang menjadi sampel kajian dapat diletakkan pada tahap 4, iaitu cemerlang dan aras 4 yang bermaksud berupaya untuk menyediakan penulisan tentang sesuatu perkara menggunakan ayat, kosa kata yang khusus, kata hubung dan penanda wacana untuk menyambung pendapat serta membuat rumusan dan kesimpulan.

Kesimpulannya, penggunaan sintaksis dalam penulisan pelajar yang menggunakan ayat yang gramatis dan pelbagai dapat dikategorikan sebagai berada pada tahap kepujian dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kemahiran menulis kerja kursus.

## Perbincangan

Kesimpulannya, penguasaan dan pengaplikasian KBAT dalam penulisan Kerja Kursus Bahasa Melayu mampu membantu pelajar berfikir dengan lebih kreatif dan kritis, produktif, berkesan dan konsisten. Selain itu, aspek penyampaian idea utama atau isi penting dan sintaksis perlu diberikan penekanan yang seimbang dalam penulisan tugas. Tanpa penggunaan sintaksis yang baik, iaitu ayat yang gramatis, pelajar mungkin tidak dapat menyampaikan dan mengolah idea dengan jelas dan berkesan. Kesannya, kualiti penulisan turut terjejas kerana aspek sintaksis merupakan elemen-elemen bahasa yang amat berpengaruh untuk menentukan keutuhan sesebuah wacana dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebagai subjek utama dalam sistem pendidikan di Malaysia memerlukan kesungguhan pendidik dan bersemangat yang sangat gigih dengan sentiasa mencari kaedah-kaedah baru ke arah membentuk kreativiti dan inovasi semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Guru Bahasa Melayu berperanan penting dan perlu bertindak selari dengan impian dan usaha Kementerian Pendidikan yang telah merancang perubahan dalam meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Melayu. Perkara ini perlu dilakukan secara berterusan dan guru Bahasa Melayu memainkan peranan khususnya dalam meningkatkan KBAT melalui aktiviti Pdp bagi memastikan objektif kurikulum Bahasa Melayu tercapai. Guru Bahasa Melayu juga bukan hanya sekadar mengajar subjek Bahasa Melayu berpandukan buku teks atau mengikut sukatan pelajaran, tetapi juga perlu menjadi pemangkin dan pencetus pemikiran dalam memikirkan perkara tersirat yang terkandung di dalamnya melalui penerapan KBAT dalam Pdp.

## Rumusan

Penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pensyarah dan pelajar PISMP perlu dikaji bagi menjamin pelaksanaan KBAT berlaku di semua institusi pengajian. Kajian ini akan memberikan panduan dalam penambahbaikan kurikulum dan aplikasi KBAT di IPG khususnya dalam penulisan kerja kursus. Dapatan kajian menunjukkan pelajar PISMP Peribumi dapat menguasai dan mengaplikasikan KBAT dalam penulisan kerja kursus. Dapatan juga mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar PISMP berada pada tahap 4, iaitu tahap cemerlang seperti yang terdapat dalam rubrik penulisan kerja kursus. Hal ini kerana pelajar PISMP Peribumi berjaya menguasai aspek sintaksis dan dapat mengaplikasikannya dengan baiknya dalam penulisan kerja kursus. Idea yang disampaikan dapat difahami dengan mudah kerana penggunaan sintaksis mematuhi rumus tatabahasa bahasa Melayu. Tanpa penggunaan sintaksis yang baik, iaitu ayat yang gramatis, pelajar mungkin tidak dapat menyampaikan dan mengolah idea dengan jelas dan berkesan. Kesannya, kualiti penulisan turut terjejas kerana aspek sintaksis merupakan elemen-elemen bahasa yang amat berpengaruh untuk menentukan keutuhan sesebuah wacana.

## Rujukan

- Abdul Rasid, Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–12. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/2528/>
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei bahasa melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 6. Dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 44-55
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 67-87
- Chew Fong Peng. (2014). *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, vol.4, Bil.2: 10-23



- Creswell, J. (2015). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New York: Pearson.
- Edward de Bono. (1976). *Teaching thinking*. Penguin Books: England.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Izzuddin bin Mohd Pisol & Mohd Salihin Hafizi bin Mohd Fauzi. (2017). Sikap dan keupayaan sendiri pelajar dalam kemahiran menulis tugas akademik. Dibentangkan dalam Seminar Isu-isu Pendidikan di KUIS pada 12 Oktober 2017. 41-46.
- Maimunah Osman (2004). *Kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara
- Nikerson R.S., Oerkin D.N & Smith E. S. (1985) *The Teaching Of Thinking* : Lawrence Erlbaum Associates.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et. al.* (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hasmaliza Hasan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90.
- Norakma Mohd Daud, Abdul Razak Ahmad, & Noria Munirah Yakub. (2015). *Pembelajaran pembelajaran mata pelajaran sejarah*. Volume 1 Proceeding: 7th International Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, N. (2001). *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras tinggi: Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran pembelajaran*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster Warisan-Pendidikan-Wawasan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Vishalash Balakrishnan (2014). *Aplikasi i-Think dalam pendidikan*. Kuala Lumpur:
- Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin. (2017). *Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Simposium Pendidikan di Peribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017). 140-146
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Profesional.
- Yahya Othman, and DK. Suzanawaty Pg. Osman. (2014) *Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di Sekolah Rendah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 19-29.
- Yusfaiza Yusuff, and Mohd Isha Awang. (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw 11 dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 62-70.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*, Vol. 4, Issue 1, 23-35.